

USIM anjur Kejohanan Tarik Tali Terbuka

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berhasrat membangunkan dan mempromosikan sukan tarik tali, buat julung kalinya akan menganjurkan Kejohanan Tarik Tali Terbuka di Kompleks Sukan USIM, di sini pada 28 Mac ini.

Pegawai Sukan USIM Nur Ekmal Buhary berkata, lebih 25 pasukan dari seluruh negara termasuk daripada agensi kerajaan, kelab, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pasukan badan beruniform dijangka menyertai kejohanan itu.

“Dua kategori akan dipertandingkan iaitu Kategori Awam dan Kategori Terbuka Beruniform,” katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi kejohanan itu Abdul Wahab Mat Zin berkata, kejohanan itu sebahagian dari program persediaan kepada pasukan tarik tali USIM dan IPTA yang lain untuk menyertai Kejohanan Sukan Staf IPTA kali ke-35 di Universiti Malaysia Terengganu Jun depan.

Pasukan yang berminat boleh menghubungi setiausaha kejohanan Rozaimi Kamarudin di talian 012-6731638 atau talian 06-7988065/7988062/7988070 atau layari laman web Pusat Sukan USIM di <http://infosukan.usim.edu.my>.